



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah,
Karung Berkunci No. 6,
70990 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel : 06-7653100
Faks : 06-7639969
Laman Web : jpns.moe.gov.my

Ruj.Tuan: PSB/PRG/SPRO/43.2.1/23/020
Ruj.Kami: JPNS.SPM.PBM 900-1/21 Jld.3(66)
Tarikh : 18 April 2023

Puan Norhana Hamim,
Pengarah,
Petrosains, The Discovery Centre,
Petrosains Sdn Bhd,
Tingkat 4 Suria KLCC,
Menara Berkembar Petronas
50088 Kuala Lumpur

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM PETROSAINS
RBTX CHALLENGE 2023 BAGI SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat daripada pihak tuan bertarikh 16 Mac 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak kami menyokong penglibatan murid dalam program ini bagi melestarikan pembangunan kokurikulum di negara ini.

3. Sehubungan itu, pihak kami mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Petrosains RBTX Challenge 2023 pada 18 Mei hingga 26 Oktober 2023 sahaja**. Walau bagaimanapun surat maklum balas ini perlu dibaca bersama surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti ketetapan berikut;

- 3.1 Semua murid yang terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.2 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;

..2/-

- 3.3 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapat kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
 - 3.4 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapat sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
 - 3.5 Penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PDP)/program/aktiviti/sekolah;
 - 3.6 Tiada unsur paksaan kepada pihak sekolah, guru dan murid untuk menyertai program tersebut;
 - 3.7 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
 - 3.8 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberi laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah.
 - 3.9 **Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat;**
 - 3.10 Pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dijalankan (format seperti di Lampiran A) dan **surat makluman kelulusan PAJSK** (sekiranya ada) kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, JPNS **tidak lebih 60 hari** selepas tamat program.
 - 3.11 Tarikh akhir kunci masuk markah ke dalam sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) adalah pada 31 Disember 2023. Sehubungan dengan itu, penganjur disaran untuk menyelesaikan semua aktiviti pada atau sebelum bulan November 2023 dan;
 - 3.12 JPNS berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan agensi yang akan datang.
4. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **Petrosains RBTX Challenge 2023 pada 18 Mei hingga 26 Oktober 2023 sahaja** . Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dengan kebenaran Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM.

Ruj.Kami: JPNS.SPM.PBM 900-1/21 Jld.3 (66)

4. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Puan Balqis Abdul Wahid, Pen. Pengarah UPBM, JPNS** di talian **06-7653253** atau e-mel **balqis.abdwahid@moe.gov.my**.


Keprihatinan dan kerjasama tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(AMINUDDIN BIN KAMISAN)
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid,
b.p Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

s.k : 1. Pengarah Pendidikan N.Sembilan
2. Ketua Pegawai Pendidikan Daerah N.Sembilan

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)

- 1.0 Nama Program/Aktiviti:
 2.0 Tarikh Pelaksanaan:
 3.0 Mod Pelaksanaan:
 4.0 Penyertaan (jantina/bangsa):

BIL	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
JUMLAH											

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti:
 6.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan: (***)*Jika berkaitan*)
 7.0 Tetamu Kehormat (VIP): (***)*Jika berkaitan*)
 8.0 Pemenang: (***)*Jika berkaitan*)

KATEGORI PERTANDINGAN				
Kedudukan	Nama murid	Id murid	Sekolah	JPN
Pertama				
Kedua				
Ketiga				
Keempat				
Kelima				

- 9.0 Isu dan cabaran:
 10.0 Elemen *Human Governance* yang dilaksanakan:
 11.0 Cadangan penambahbaikan:
 12.0 Gambar:

Disediakan Oleh:

Tarikh: